



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERKUKUH KOMITMEN KERAJAAN MEMBASMI KEMISKINAN BANDAR MENERUSI PEKB 2026

PUTRAJAYA, 13 Januari 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus diberi mandat untuk melaksanakan **Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)** sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan dalam membasmi kemiskinan bandar.

Program ini bertujuan memperkasa golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih di bawah seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) melalui latihan keusahawanan dan kemahiran bersasar. Melalui pelaksanaan Program PEKB, peserta dibimbing untuk menjana pendapatan yang lebih mampan dalam bidang yang diceburi seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Semasa **Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Pelaksanaan Program PEKB Tahun 2026 Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) Peringkat KPKT**, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT menegaskan "Program PEKB menjadi rangka untuk membina keupayaan dan memberi peluang kepada peserta agar mampu berusaha keluar daripada kemiskinan serta seterusnya berdikari tanpa kebergantungan berterusan kepada bantuan Kerajaan. Inilah hakikat kejayaan yang ingin kita capai bersama."

Program PEKB melalui kerjasama NGO merupakan satu program yang efektif dan langkah progresif KPKT dalam membantu merealisasikan hasrat Kerajaan MADANI untuk membendung isu kemiskinan tegar di bandar. Dibawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah menzahirkan komitmen yang jelas dan berterusan terhadap agenda pembasmian kemiskinan bandar melalui pendekatan yang berasaskan hasil dan impak. Program ini telah memberi manfaat secara langsung kepada 5,424 peserta daripada golongan B40, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM55 juta yang telah disalurkan secara berfasa dan berfokus.

Bagi tempoh tersebut terdapat beberapa prestasi peserta yang dapat dibanggakan dan menampakkan impak langsung Program PEKB. Saudara Muhamad Hakimi Shakir dari Kuantan, Pahang merupakan peserta PEKB 2025 yang dahulunya adalah peniaga kecil di pasar malam dengan menjual produk makanan iaitu *baby pancake*. Selepas mengikut program PEKB beliau telah berjaya membuka sebuah café yang dinamakan Aloha Bites Cafe di Pantai Anak Air, Kuantan. Kini beliau berjaya menjana pendapatan lima angka sebulan.

Selain daripada itu, peserta dari borneo iaitu Encik Amliyansha atau masyarakat tempatan gelarkan John dari Tawau, Sabah juga merupakan peserta PEKB tahun 2025. Beliau adalah peserta yang mengikuti kursus bidang pembaikan telefon bimbit yang dahulu merupakan seorang juruteknik sambilan, kini beliau telah menubuhkan syarikat perniagaan pembaikan dan pembekalan peranti mudah alih dan berjaya mendapat pendapatan bulanan melebihi lima angka.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memastikan tiada rakyat yang terpinggir, KPKT dengan kerjasama strategik NGO kekal komited dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di bawah Program PEKB. Langkah ini diambil bagi mengurangkan isu kemiskinan bandar yang semakin membelenggu, sekali gus menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup komuniti di bandar.

Sehubungan itu, **bagi tahun 2026, sebanyak RM12 juta diperuntukkan** bagi pelaksanaan program ini yang **dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1,100 peserta** di seluruh negara. Pelaksanaan program ini merangkumi latihan dan bimbingan berstruktur oleh NGO pelaksana yang dilantik dan peserta akan dilatih dalam bidang berpotensi tinggi yang dikenal pasti daripada 15 bidang keusahawanan di bawah Program PEKB. Hal ini selaras dengan keperluan pasaran dan peluang ekonomi semasa.

Secara keseluruhan, pelaksanaan Program PEKB 2026 mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI melalui KPKT dalam memperkasa golongan sasar secara menyeluruh, berfokus dan berimpak tinggi. Melalui pendekatan berteraskan RMK-13, Agenda Kesejahteraan Rakyat dan prinsip Kerajaan MADANI, Kementerian yakin PEKB akan terus menjadi pemangkin kepada usaha menoktahkan kemiskinan bandar secara lestari, sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat terus diperkukuh.

#MalaysiaMADANI
#Kemampunan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my